

B 8560 AAB

ASEAN - EKONOMI R R R
(I) 1985

KUALA LUMPUR, 8 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA USAHAWAN DAN PENIAGA YANG BERURA-URA MENEROKAI PASARAN YANG LUAS DI CHINA JANGAN MELUPAI KENYATAAN DI DEPAN MATA MEREKA IAITU PASARAN DI ASEAN.

STATISTIK MENUNJUKKAN MEREKA MEREKA GAGAL MEMAHAMI BAHAWA PASARAN ASEAN ADALAH EMPAT KALI LEBIH BESAR DARIPADA PASARAN DI CHINA. PASARAN ASEAN JUGA PALING HAMPİR DENGAN KITA DAN BUKAN DI TEMPAT YANG JAUH YANG AMALAN DAN SISTEM PERNIAGAANNYA TIDAK PASTI LAGI DAN DALAM BEBERAPA HAL MASIH TIDAK DIKETAHUI BESARNYA, TAMBAH BELIAU.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN KE-18 PERINGKAT MENTERI ASEAN DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI BELIAU BERKATA BAHAWA ADA PELABUR YANG MENGANGGAP CHINA TEMPAT YANG MENARIK UNTUK MELABUR SEDANGKAN PELUANG YANG LUAS ADA DI RANTAU ASEAN DALAM APA JUA KEGIATAN PERNIAGAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MASANYA TELAH TIBA BAGI MEREKA YANG BENAR-BENAR PERCAYA DAN YAKIN KEPADA ASEAN DAN NAMPAK BESAR POTENSI KERJASAMA SERANTAU +BERHENTI DARIPADA BERMIMPI DAN MULA BERTINDAK SEKARANG.+

+MASANYA TELAH TIBA BAGI KITA YANG MENGAKUI POTENSI BESAR BERHENTI DARIPADA MENUNGGU SEMATA-MATA DAN MULA BERGERAK,+ TAMBAHNYA.

-- LAGI.

1152MST 08 07 85

D724

B B561 AAB

ASEAN - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MEMANG ADA PELBAGAI HALANGAN DALAM PERLAKSANAN KERJASAMA EKONOMI YANG MELUAS DENGAN ASEAN.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, DALAM APA JUGA USAHA YANG BAIK PASTI ADA HALANGAN-HALANGAN BESAR.

EKONOMI ASEAN PADA UMUMNYA BERSAING DAN BUKAN SECARA SALING BANTU MEMBANTU, TAMBAHNYA.

+ TETAPI, TIDAKKAH BOLEH KITA SALING BANTU MEMBANTU DALAM BANYAK BIDANG DAN MENGGUNAKANNYA UNTUK FAEDAH BERSAMA?

+ BUKANKAH MASANYA TELAH TIBA BAGI SEKTOR SWASTA KITA MENGETAHUI PASARAN DI TIAP-TIAP NEGARA ASEAN SEPERTI JUGA KITA MENGETAHUI PASARAN DI JEPUN DAN EROPAH DAN DI AMERIKA SYARIKAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1153MST 08 07 85

D725

B B562 AAB

ASEAN - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR R R R

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ASEAN TELAH BANYAK MENCAPAI KEJAYAAN DAN WALAUPUN PERTUBUHAN ITU TIDAK BANYAK MENCAPAI KEJAYAAN DALAM KERJASAMA EKONOMI, ASEAN TETAP MERUPAKAN INSTITUSI PENTING.

+TETAPI TAHUN INI SEPERTI TAHUN-TAHUN LALU, KITA MEMPUNYAI PELUANG DAN TANGGUNGJAWAB KEPADA SEMUA RAKYAT, BUKAN SAHAJA BAGI MENGUKUHKAN ASEAN, MALAH MENEROKAI BIDANG DAN KESEMPATAN BARU.+

PERDANA MENTERI BERKATA SELAGI KEADAAN TIDAK PASTI MENYELUBUNGI KEADAAN EKONOMI PADA MASA-MASA AKAN DATANG, PELUANG BAGI KERJASAMA EKONOMI ASEAN MELANGKAH ERA BARU BEGITU SUKAR.

KATANYA, SEKARANG BUKANLAH MASA YANG SESUAI UNTUK MELAKSANAKANNYA.

BELIAU BERKATA PERSOALAN SEKARANG IALAH BILAKAH MASA YANG BAIK ITU TIBA? -- LAGI.

1155MST 08 07 85

D727

B B563 AAB

ASEAN - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR R R R

(I)

+ BILAKAH, DALAM USIA ASEAN INI, MASA YANG PALING SESUAI MUNCUL UNTUK KERJASAMA EKONOMI? ADALAH PATUT KITA DIAM-DIAM DAN MENUNGGU SAHAJA? ATAU ADAKAH PATUT KITA BERGERAK UNTUK MEWUJUDKAN SUASANA YANG SESUAI ITU DAN MENGORAK LANGKAH YANG AKAN MEMBOLEHKAN KITA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM KERJASAMA EKONOMI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, MASA YANG SESUAI SEPERTI NASIB BAIK DAN SEBAGAINYA MUNGKIN DATANG SECARA KEBETULAN SAHAJA TETAPI BIASANYA DATANG HASIL DARIPADA +TITIK PELUH KITA DAN KEBERANIAN KITA MELAKSANAKAN APA YANG KITA YAKIN, DENGAN USAHA MANUSIA DITAMBAH DENGAN KEAZAMAN.+ -- BERNAMA.

1159MST 08 07 85